



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### PRAKATA

*Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian dan Jabatan untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek pembangunan bagi tahun 2020. Anggaran ini merupakan peruntukan bagi tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas.*

*Kerajaan telah berjaya memupuk keyakinan umum tentang kemampuannya dalam pengurusan ekonomi, sektor kewangan (monetari) dan pasaran modal walaupun menghadapi pelbagai isu fiskal yang disebabkan oleh masalah keberhutangan negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan harus mengimbangi perlunya untuk mengurangkan hutang negara, mengawal defisit fiskal dan pada masa yang sama memastikan penjanaan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bersandarkan kepada kedudukan kewangan semasa, Kerajaan terus komited memberi keutamaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan agar mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama, mereformasi pentadbiran Kerajaan, merangka hala tuju ekonomi negara dan memfokuskan kepada program berteraskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan dengan matlamat keseluruhan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia. Belanjawan 2020 akan memberi penekanan utama kepada pengukuhan kewangan, kecekapan dan integriti sektor awam, mengutamakan kesejahteraan rakyat serta memacu ekonomi melalui pembudayaan keusahawanan dan inovasi. Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan projek pembangunan yang direncanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas diteruskan agar kemampanan ekonomi negara terus berkembang.*

*Saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai program, aktiviti dan projek setiap Kementerian dan Jabatan melalui Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2020. Maklumat daripada buku ini diharap dapat membantu semua pihak serta menjadi buku rujukan bagi perbincangan belanjawan tahun 2020.*

**LIM GUAN ENG**

**11 Oktober 2019**